

Saksikan Perlawanan Akhir Secara Langsung di Resorts World Genting: Muzik, Makanan, Permainan dan Hadiah Bernilai Lebih RM25,000 Menanti

Genting Highlands, 10 Julai 2026 – Resorts World Genting (RWG) menawarkan pengalaman Football Fever 2026 kepada peminat bola sepak dan para pengunjung menerusi sambutan di seluruh resort yang diinspirasikan oleh kemeriahan kejohanan bola sepak terbesar dunia, yang berlangsung dari sekarang hingga 20 Julai 2026.

Sepanjang Football Fever 2026, RWG menawarkan tayangan langsung perlawanan akhir, pengalaman interaktif untuk peminat, hiburan bertemakan bola sepak serta pelbagai tarikan mesra keluarga, sekali gus menjadikan tanah tinggi Genting sebagai lokasi tumpuan peminat bola sepak sepanjang kejohanan berlangsung.

Sambutan Menjelang Perlawanan Akhir

Acara menjelang perlawanan akhir akan berlangsung di Aras 1, SkyAvenue menerusi Final Kick Off Party, yang menawarkan pelbagai persembahan muzik, hiburan dan hadiah menarik kepada para pengunjung.

Berlangsung dari jam 12 tengah malam hingga 3 pagi berdasarkan konsep siapa cepat dia dapat, acara pra-perlawanan itu menampilkan tiga DJ, termasuk pemegang rekod Malaysia Book of Records, Ms Puiyi, yang dikenali dengan persembahannya sebagai DJ.

Selain persembahan muzik, pengunjung juga boleh menikmati pelbagai gerai makanan, menyertai permainan serta berpeluang memenangi hadiah bernilai lebih RM25,000 menerusi cabutan bertuah. Pengunjung yang berbelanja RM50 dan ke atas bagi pembelian makanan dan minuman akan menerima satu penyertaan cabutan bertuah, dengan hadiah utama berupa kerusiurut Zero uAlpha, selain hadiah lain termasuk penginapan hotel dan pengalaman riadah di RWG.

Ahli Genting Rewards Cards boleh mendapatkan akses ke kawasan tempat duduk yang disediakan melalui penebusan gelang tangan dari jam 10 malam pada 19 Julai hingga 12 tengah malam pada 20 Julai, tertakluk kepada ketersediaan.

Peminat stesen radio dalam talian terbaru RWG, V On Air, bakal menikmati pengalaman istimewa apabila Ms Puiyi akan tampil di V On Air Studios, Genting Grand T3 pada 19 Julai dari jam 10 malam hingga 12 tengah malam menerusi sesi temu bual eksklusif dan persembahan secara langsung. Lokasi ini dibuka kepada tetamu bukan Islam berumur 21 tahun ke atas.

Saksikan Perlawanan Akhir Secara Langsung

Kemuncak sambutan ialah tayangan langsung perlawanan akhir di SkySymphony Wonderwall ikonik di Aras 1, SkyAvenue, yang menghimpunkan peminat bola sepak untuk bersama-sama menyaksikan detik kemuncak kejohanan.

Dengan suasana multimedia imersif, SkySymphony Wonderwall menawarkan pengalaman unik kepada para pengunjung untuk menyaksikan detik mendebarkan, aksi menarik dan momen bersejarah sepanjang perlawanan akhir.

Terokai Kickoff Zone

Terletak bersebelahan Stesen Genting Highlands di Aras 4, SkyAvenue, Kickoff Zone berlangsung sehingga 18 Julai 2026 dengan menawarkan pengalaman bertemakan bola sepak kepada para pengunjung sepanjang tempoh kejohanan.

Tarikan utama di zon ini ialah Fast Break Zone, di mana para pengunjung boleh menguji kemahiran bola sepak menerusi permainan EA Sports FC 26. Ahli Genting Rewards Cards yang berbelanja minimum RM200 dalam dua resit di premis yang mengambil bahagian, atau RM250 dalam dua resit bagi bukan ahli, layak menyertai perlawanan satu lawan satu menentang peserta lain untuk berpeluang memenangi pouch rantai kunci Coca-Cola eksklusif.

Para pengunjung juga boleh meneroka Fan Locker Room Zone, ruang barangan yang menampilkan lebih 100 produk gaya hidup dan koleksi Coca-Cola bertemakan bola sepak. Daripada aksesori dan bekas minuman hingga barangan elektronik serta cenderamata unik, ruang ini menawarkan pelbagai pilihan untuk dibawa pulang sebagai kenangan sepanjang kunjungan mereka.

Keep It Street: Football Fever

Peminat bola sepak boleh berkunjung ke Eufloria Gardens & Sculpture Park untuk memeriahkan Keep It Street: Football Fever yang berlangsung pada 19 Julai dari jam 10 pagi hingga 6 petang di Laman Ria.

Dianjurkan oleh pemain bola sepak gaya bebas merangkap pengasas Keep It Street, Zeem Ahmad, dengan sokongan daripada Technical Football Training Singapore, acara ini menghimpunkan pelbagai aktiviti bola sepak interaktif, persembahan langsung serta pertandingan santai dalam suasana indah Eufloria Gardens & Sculpture Park.

Program ini menampilkan bengkel bola sepak untuk kanak-kanak berusia 10 hingga 12 tahun, yang memberi peluang kepada peserta mempertingkatkan kemahiran bola sepak mereka di bawah bimbingan jurulatih berpengalaman. Peminat bola sepak muda juga boleh menyertai pertandingan Under-12 Street Football 2v2, dengan setiap pasukan terdiri daripada maksimum tiga pemain yang akan bersaing dalam cabaran bola sepak yang menyeronokkan dan interaktif.

Peserta yang berminat boleh mendaftar menerusi laman web rasmi Eufloria Gardens & Sculpture Park.

Bola Sepak Meriahkan Seluruh Resort

Menambah kemeriahan sambutan, persembahan perarakan dan tarian bertemakan bola sepak akan berlangsung pada 10 hingga 12 Julai, 15 hingga 16 Julai serta 19 hingga 20 Julai 2026.

Persembahan tersebut akan bergerak melalui Park Avenue Lounge dan High Line Roof Top Market, membawa muzik, koreografi serta hiburan berinspirasikan bola sepak secara langsung kepada pengunjung di seluruh resort. Direka untuk menyerlahkan semangat dan keterujaan musim kejohanan, persembahan ini akan menambah kemeriahan sambutan Football Fever 2026.

Keseronokan Keluarga di Funtopia x Genting Football Park 2026

Keluarga dan peminat bola sepak cilik boleh menyertai kemeriahan di Funtopia x Genting Football Park 2026 yang berlangsung di Pavilion Hall sehingga 31 Ogos 2026.

Tarikan bertemakan bola sepak ini menampilkan pelbagai laluan halangan kembang, zon permainan interaktif serta aktiviti mesra keluarga berinspirasi sukan tersebut. Pengunjung boleh mencuba pelbagai cabaran bola sepak, menyertai pertandingan dan menikmati pengalaman bermain tanpa had sepanjang hari.

Dengan pelbagai permainan interaktif berwarna-warni bertemakan bola sepak, aktiviti mesra keluarga serta persekitaran yang sesuai untuk semua peringkat umur, tarikan ini menawarkan pengalaman menarik untuk seisi keluarga menikmati kemeriahan kejohanan sambil meluangkan masa bersama di RWG.

Daripada tayangan langsung dan hiburan hingga barangan eksklusif serta aktiviti keluarga, RWG menghimpunkan keterujaan, semangat dan kemeriahan bola sepak dalam satu destinasi, sekali gus mewujudkan sambutan selama sebulan untuk meraikan sukan tersebut dalam suasana tanah tinggi yang nyaman.

Untuk maklumat lanjut, layari rwgenting.com atau ikuti platform media sosial rasmi RWG.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms. Michelle Wong

Head – Public Relations & Communication
Social Commerce and Public Communication
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9608
Email: michelle.wong@rwgenting.com

Ms Mei Yeap Lee Mui

Assistant Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9447
Email: mei.yeap@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapi pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti promosi menarik untuk menyambut ulang tahun ke-60 Jubli Intan Kumpulan Genting, menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada setiap pengunjung.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama

dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjanaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.